

Rozainah belajar jadi yang terbaik

MUNGKIN satu perkara biasa

membayangkan tugas seorang jururawat di hospital-hospital dan klinik, sebagai individu yang bertanggungjawab membantu doktor dan pesakit.

Tidak mahu tanggapan sama atau stereotaip daripada masyarakat terhadap tugas jururawat, seorang pensyarah Fakulti Perubatan Sains Kejururawatan Universiti Putra Malaysia (UPM), **Rozainah Mat Yusoff** membuktikan, tugas jururawat itu tidak terhenti setakat membantu doktor menangani masalah pesakit di hospital atau klinik, malah lebih daripada itu.

Ini termasuk menimba pelbagai pengalaman, meletakkan nama di kemuncak kerjaya dan mungkin menjadi seorang sukarelawan yang berbakti kepada insan yang memerlukan.

Menabur bakti dalam bidang kejururawatan sejak lebih 20 tahun dulu, Rozainah atau lebih mesra dengan panggilan

inspirasi

Oleh **ROSMAH DAIN**
rosmah.dain@utusan.com.my

Roza memang tidak lokek menghulurkan tenaga untuk usaha-usaha kebajikan.

Biarpun ketika menyertai bidang tersebut satu ketika dahulu bukan satu kerjaya yang diminati, namun bak kata orang 'tidak kenal maka tidak cinta', setelah menceburinya, baharu dia menyedari keistimewaan bidang kejururawatan yang selama ini tidak pernah diketahui.

Menceritakan sedikit latar belakang pendidikan dan bagaimana dia terlibat dalam bidang tersebut, Roza memberitahu dia belajar di Kolej Kejururawatan Kubang Kerian, Kelantan selepas tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat biasiswa dari Universiti Sains Malaysia (USM).

Selepas menerima diploma, anak keenam kembar daripada 10 adik-beradik ini kemudian bertugas di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) sebagai jururawat pembedahan ortopedik.

"Ketika bertugas di HUSM, saya berdepan dengan pelbagai kerenah pesakit dan tidak tahan melihat darah. Memang agak ironi, bertugas sebagai jururawat tetapi terasa pitam apabila melihat darah. Namun, alhamdulillah lama-kelamaan saya dapat mengatasi masalah itu.

"Bertugas sebagai jururawat di bilik pembedahan mendedahkan saya kepada pengalaman dan pengetahuan serta kemahiran baharu," kata wanita yang sangat peramah dan fasih berbahasa Inggeris ini.



ROZAINAH ketika menerima pelantikan sebagai Pegawai Perawatan Wilayah dan Wilayah Persekutuan St. John Ambulans Malaysia.

Roza kemudian dilamar oleh Institut Jantung Negara (IJN) dan bekerja di institut itu pada tahun 2000. Dia bersyukur kerana IJN sanggup menunggu untuk mendapatkan khidmatnya selama beberapa bulan kerana pada masa itu dia masih berpantang selepas melahirkan anaknya yang pertama.

Biarpun sudah bertapak kukuh di IJN dan mendapat perhatian doktor kerana kecekapan kerjaya-kerjanya, namun hati Roza masih tidak puas untuk mencabar diri bagi mendapatkan lebih pengetahuan dan pengalaman.

Dia akhirnya mendapat biasiswa Petronas untuk melanjutkan pengajian ke Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan menerima Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dua tahun kemudian.

Selepas itu, wanita cekal ini beralih arah sebagai jururawat klinikal di sebuah hospital swasta terkenal di ibu kota selama dua tahun.

Menyedari ilmu dan pengalaman yang didapati masih tidak mencukupi, wanita ini kemudian mengorak langkah menjadi tenaga pengajar di sebuah kolej swasta selama setahun bagi mendapatkan pengalaman sebagai pensyarah dan untuk meningkatkan kemahiran diri.

Seterusnya Roza mendapat tajaan biasiswa Mara pada 2008 untuk melanjutkan pengajian ke Universiti Malaya (UM), kemudian lulus dengan Sarjana Muda Sains Kejururawatan pengkhususan dalam pembedahan jantung.

Dia kemudian ke Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU), sebagai tenaga pengajar selama setahun, sebelum menyertai Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai Pensyarah Kejururawatan di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan pada 2013.

Dia juga sedang merancang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana.